

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG – UNDANG KECIL TAMAN MARGASTUA IDRIS SHAH (MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) (FEE) 1992

PADA menjalankan kuasa – kuasa yang diberi di bawah seksyen 102(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Taiping dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang – undang kecil yang berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Taman Margastua Idris Shah (Majlis Perbandaran Taiping) (Fee) 1992.**

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika ayatnya menghendaki makna yang lain-

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Taiping;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping dan termasuk Timbalan Yang Dipertua;

“Zoo” ertinya Taman Margastua Idris Shah Taiping, Perak.

3. (1) Tiada seorang boleh dibenarkan masuk ke Zoo kecuali dengan tiket.

(2) Tiap-tiap orang yang mengunjungi Zoo pada bila-bila masa semasa orang ramai dibenarkan masuk, mendapatkan suatu tiket daripada orang yang diberikuasa oleh Yang Dipertua yang di atasnya hendaklah dinyatakan harga bayaran masuk.

(3) Harga bagi sesuatu tiket untuk masuk ke zoo hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual.

4. Yang Dipertua boleh dengan budi bicaranya mengurangkan atau mengembalikan bayaran masuk terhadap mana-mana orang.

5. Majlis boleh meminda Jadual dari semasa ke semasa.

**JADUAL**  
(Undang-Undang Kecil 3 (3))

(1) Orang Dewasa	\$1.50 seorang
(2) Kanak-kanak	\$0.70 seorang
(3) Kamera	\$1.00 seorang
(4) Rombongan murid-murid sekolah	\$0.50 seorang

Bertarikh pada 14hb Mei 1991

[M.P. Tpg. A1/10/2/32, P.U. Pk. 23/75. Bhg. VI.]

HILMI BIN ABDULLAH,  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Taiping

Disahkan pada 27HB Mei 1992.

[PSUK Pk. (KT-AM) 30/14/2/4.]

MUHAMMAD FADZIL BIN KHALID,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak